

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]**

**TARIKH : 22 MAC 2017 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang perlu dirombak semula supaya skim perumahan PR1MA dapat dilaksanakan dengan mematuhi semua syarat pemerintahan negeri dengan kadar segera.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Tindakan Persekutuan Negeri merupakan badan utama di peringkat negeri yang bertanggungjawab memantau serta menilai dasar dan strategi program/projek pembangunan Persekutuan yang dilaksanakan di peringkat negeri, termasuklah pelaksanaan projek-projek di bawah skim PR1MA. Skim PR1MA adalah inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat yang layak. Berikutan keperluan mendesak terhadap penyediaan perumahan mampu milik di Pulau Pinang terutamanya di kawasan tumpuan pembangunan, Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan PR1MA di Pulau Pinang di atas tapak yang dimiliki oleh jabatan/agensi Kerajaan Persekutuan atau membeli projek perumahan yang dibina oleh pemaju swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 17,198 unit rumah untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Kesemua projek-projek ini berada dalam pelbagai peringkat perancangan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang seharusnya menjadi pemudahcara untuk membantu mempercepatkan semua proses kelulusan yang melibatkan projek PR1MA di Pulau Pinang. Justeru, buat masa ini tiada keperluan untuk merombak struktur Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.